



# Membina Jaringan Sosial

Sebuah Ulasan dan Cadangan bagi Program Latihan  
Khidmat Negara 3.0 (PLKN 3.0)

# **Kandungan**

<b>Pengenalan</b>	<b>3</b>
<b>Pembelajaran melalui Pelaksanaan PLKN 2003-2014</b>	<b>4</b>
<b>Fokus PLKN 3.0</b>	<b>10</b>
<b>Model Relatif di Peringkat Antarabangsa</b>	<b>13</b>
<b>Cadangan Pentadbiran</b>	<b>19</b>
<b>Cadangan Penstrukturan Program</b>	<b>21</b>
<b>Cadangan Pengurusan Perbelanjaan</b>	<b>24</b>

## Pengenalan

Pada persidangan parlimen Oktober 2023 yang lalu, Kementerian Pertahanan telah mengumumkan pelaksanaan semula Program Latihan Khidmat Negara (PLKN), versi 3.0. Datuk Seri Mohamad Hasan juga menerangkan program PLKN 3.0 ini kepada beberapa mekanisme dan dijangka akan dilaksanakan pada tahun 2025 jika mereka. Melalui pengumuman tersebut, PLKN 3.0 ini akan menumpukan lebih kepada pendekatan ketenteraan sebanyak 90 peratus dan hanya 10 peratus melibatkan modul dan kefahaman mengenai kenegaraan. PLKN kali ini juga bakal menempatkan 4000 pelatih setiap tahun di Kem Tentera Wataniah dengan anggaran kos yang lebih rendah tidak melebihi RM100 juta. Dari segi jumlah kem juga telah dikurangkan ke 13 buah dan tempoh masa daripada 3 bulan kepada 45 hari. Pengumuman ini menunjukkan terdapat perbezaan yang ketara daripada pelaksanaan PLKN 1.0 dan 2.0 sebelum ini.

Kertas ini dicerakinkan kepada beberapa bahagian, antaranya penerangan dan pengajaran daripada pelaksanaan PLKN sebelum ini, Model pelaksanaan program khidmat negara di beberapa negara lain, fokus yang harus diberi keutamaan dalam PLKN 3.0 bagi impak yang lebih holistik dan cadangan penambahbaikan PLKN 3.0 dari sudut pentadbiran, penstrukturan dan perbelanjaan.

Kertas ini turut merangkumi maklumat daripada perbincangan fokus yang telah dijalankan bersama **3 orang bekas pelatih, 5 orang bekas jurulatih** dan temuduga bersama **seorang bekas komandan** kem PLKN supaya satu gambaran yang berasaskan realiti tentang PLKN yang lepas dapat diperolehi. Selain itu, pendapat mereka tentang PLKN yang bakal dilaksanakan pada masa depan juga dikumpul. Dengan perbincangan dengan bekas pelatih, jurulatih dan komandan pihak kami menemukan suatu penelitian tentang kepentingan dan peranan PLKN dalam perkembangan negara dari pelbagai aspek, terutamanya dari segi pembangunan sosial, kenegaraan dan pembentukan karakter dalam kalangan belia yang merupakan masa depan negara.

## Pembelajaran melalui Pelaksanaan PLKN 2003-2014

Berdasarkan kajian dengan menganalisis penerbitan berita di massa dan perbincangan fokus dari 3 pemegang taruh PLKN, berikut adalah rumusan cabaran yang dihadapi dalam pelaksanaan Program Latihan Khidmat Negara pada tahun 2003 - 2014.

### 1. Pembangunan, struktur dan implementasi program

#### 1.1 Kekurangan pelantikan tenaga jurulatih daripada pelbagai lapisan etnik

Kajian yang dilaksanakan oleh Al Ramiah and Hewstone (2012) mencadangkan bahawa perlunya jurulatih daripada pelbagai kaum dan etnik.<sup>1</sup> Rumusan yang dijalankan oleh para penyelidik Oxford mendapati bahawa tahap keberkesanan program tidak dapat mencapai prestasi tinggi disebabkan oleh persekitaran yang didominasi oleh kaum majoriti. Penyelidik menjelaskan bahawa:

*“Tetapi, nisbah yang tidak sama rata dalam jurulatih tapak PLKN (di mana kebanyakannya Melayu) mungkin menghakis tanggapan dari segi kepercayaan kepada institusi, terutamanya di kalangan pelatih minoriti”<sup>1</sup>.*

Komposisi yang pelbagai dari segi kaum, etnik dan agama sesama pelatih sahaja tidak mencukupi tanpa perlantikan jurulatih yang terdiri daripada pelbagai latar belakang, yang paling utama adalah kerencaman dari segi kaum, etnik dan agama.<sup>1</sup> Nisbah komposisi dari segi etnik pelatih dan jurulatih berbeza luas dan tidak mewakili kepelbagaian masyarakat Malaysia yang sebenar. Menurut kajian yang dilaksanakan oleh Yaakob, Abd Ghani dan Md Noor (2017), jurulatih yang bertugas di kem PLKN juga telah menekankan keperluan jurulatih bukan Melayu untuk mengajar dan mengurus pelatih yang terdiri daripada pelbagai kaum dan etnik.<sup>2</sup>

---

*“Saya nampak berkenaan dengan bangsa, saya setuju, majoritinya melayu lah, kemudian cina dengan india ini kurang, bukan takde tapi kurang sangat-sangat.”*

*-Bekas Jurulatih C, Perbincangan Fokus PLKN (Bekas Jurulatih)*

---

Berdasarkan perbincangan fokus bersama bekas-bekas jurulatih, mereka menyuarakan bahawa komposisi jurulatih daripada kaum bukan bumiputera ini ternyata kurang, di mana perwakilan jurulatih Cina dan India dalam kadar yang lebih jauh lebih rendah berbanding perwakilan jurulatih Melayu. Bekas Jurulatih A mengungkapkan bahawa selama 15 tahun perkhidmatan, beliau tidak pernah bertembung dengan jurulatih berbangsa Cina, manakala jurulatih India pula amat

---

<sup>1</sup> Al Ramiah, A. & Hewstone, M. (2012). ‘Rallying around the flag’: Can an intergroup contact intervention promote national unity? *British Journal of Social Psychology*, 51(2), 239–256.

<sup>2</sup> Yaakob, M. A., Abd Ghani, M. R., & Md Noor, I. (2017). The effectiveness of National Service (NS): A study on perceptions of community members and staff of NS in Northern States of Peninsular Malaysia. *Jurnal Intelek*, 12(1), 68-73

kurang. Bekas Jurulatih E menyatakan kepelbagaian dari segi agama, bangsa dan kaum juga berada dalam tahap yang rendah dalam kalangan jurulatih. Keadaan ini akan secara langsung melambangkan suasana atau tempat latihan yang kurangnya elemen inklusiviti dan tidak menggambarkan realiti lapisan masyarakat di Malaysia. Perkara ini juga merupakan satu bentuk risiko kepada keberkesanan program di mana persekitaran dengan penumpuan satu kaum mengurangkan kebarangkalian pelatih bergaul dan membina hubungan sosial dengan pelatih-pelatih yang berlainan identiti.

## 1.2 Pengambilan dan pengecualian pelatih

Seperti yang tertera di Borang Permohonan Pengecualian Menjalani Latihan Khidmat Negara (JLKN K/03/Pin3/10), pengecualian dibenarkan kepada individu yang mempunyai ketidakupayaan kesihatan, mental serta fizikal, menjalani hukuman pemenjaraan, di bawah tahanan Akta Kanak-Kanak atau akta-akta yang lain, yang mengandungi dan yang menjalani program di jabatan-jabatan pertahanan negara. Walaupun begitu, penentuan syarat-syarat pengecualian bergantung sepenuhnya pada bidang kuasa Jabatan Latihan Khidmat Negara dan Kementerian Pertahanan Malaysia dan tidak diterapkan dengan jelas dalam Akta Latihan Khidmat Negara. Proses pengecualian boleh ditambah baik untuk mengelakkan kekeliruan serta memberikan pengecualian yang adil dan tepat.

Selain itu, pemilihan pelatih secara rawak, terutamanya sepanjang pelaksanaan PLKN 1.0 telah menimbulkan rasa ketidakpuasan hati. Sistem pemilihan rawak tidak dapat mempertimbangkan situasi yang dialami oleh bakal pelatih yang mungkin menyekat penyertaan Program Latihan Khidmat Negara secara sempurna. Beliau yang bekerja, beliau dari kawasan pedalaman dan beliau dari tahap sosioekonomi rendah lebih berisiko menghadapi cabaran bersosialisasi serta mengalami cabaran dalam mengikuti modul-modul yang berkonsep tahap tinggi. Golongan peserta yang berasal daripada keadaan sosial yang terpinggir mungkin tidak dapat menyerap kandungan dan budaya program yang di luar kebiasaan.<sup>3</sup>

## 2. Dakwaan rasuah terhadap pengurusan

Dakwa rasuah terhadap pengurusan Program Latihan Khidmat Negara telah menimbulkan tanggapan negatif masyarakat dan mengurangkan kerelaan penyertaan dalam kalangan pelatih yang dipilih. Jelasnya bahawa isu dakwaan rasuah secara amnya timbul jika proses atau peraturan yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan tidak diikuti dengan ketat. Antara dakwaan yang ditujukan kepada pengurusan proses termasuk proses perolehan yang dilaksanakan melalui orang tengah yang tidak mengikut kaedah yang telus dengan saluran yang betul, serta dilaksanakan secara perolehan langsung dengan pembekal oleh kakitangan tapak perkhemahan.<sup>4,5</sup>

---

<sup>3</sup> Penyata Rasmi Dewan Rakyat. Parlimen Ketiga Belas Penggal Ketiga Mesyuarat Kedua. DR.28.5.2015

<sup>4</sup> *Rasuah: Bekas Komandan Kem PLKN dipenjara 12 Tahun*. mStar. (2012).

<https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2012/09/06/rasuah-bekas-komandan-kem-plkn-dipenjara-12-tahun>

<sup>5</sup> "Buang Masa Dan Rugikan Duit" - Rakyat Malaysia Tak Setuju Jika PLKN Dihidupkan Semula. Vocket.

<https://thevocket.com/buang-masa-dan-rugikan-duit-rakyat-malaysia-tak-setuju-jika-plkn-dihidupkan-semula>

*Seorang pengguna X dan juga bekas pelatih PLKN yang bernama Iskandar Danial dalam ciapannya menerang: "Saya sebagai bekas [pelatih] PLKN 2.0 tidak setuju kalau program ini ada semula. Kita boleh lihat PLKN ni hanya untuk buat kaya kroni, dan bukan untuk develop mereka yang jadi pesertanya. Dulu masa bagi module nak belajar Bahasa Inggeris, SAYA yang ajar kelas [itu] sebab cikgu tak mampu." <sup>5</sup>*

Berdasarkan perbincangan fokus bersama bekas pelatih dan jurulatih, risiko berlakunya ketirisan dan pecah amanah adalah disebabkan struktur, fasiliti dan infrastruktur tapak perkhemahan PLKN. Pemilikan fasiliti PLKN berdasarkan pemilik yang dapat memperoleh keuntungan jika perolehan, pengurusan dan perbelanjaan tidak diselia dengan rapi oleh pihak kementerian mencipta risiko ketirisan. Bekas Jurulatih C menekankan bahawa salah satu manfaat PLKN merupakan rangsangan ekonomi dan pemerksaan pengusaha tempatan, manakala gejala yang menggalakkan ketirisan dan penyalahgunaan dana awam perlu dielakkan dan dihindari.

### 3. Isu keselamatan pelatih

Salah satu isu yang amat membimbangkan orang ramai terutamanya bakal pelatih dan ibu bapa/penjaga mereka adalah keselamatan para pelatih semasa mengikuti Program Latihan Khidmat Negara. Ternyata bahawa PLKN telah merekodkan insiden-insiden seperti kes kematian, rogol, kecederaan dan masalah kesihatan berpunca makanan yang kurang bermutu.<sup>6</sup> Kes-kes seperti ini sering dikatakan berlaku dalam bilangan yang kecil-kecilan.<sup>7</sup> Namun begitu, kewujudannya tidak dapat dinafikan dan menjadi punca khuatir dalam kalangan ibu-bapa atau penjaga. Isu ini secara langsung juga mengurangkan kepercayaan mereka terhadap tatacara keselamatan dan perlindungan di tapak PLKN.

---

*"Kem saya ini agak baik, tak ada lah macam keselamatan itu saya takkan capak hundred percent, sebab ada jugak pelatih yang dia ada penyakit asthma ya, macam untuk berasthma dia masih disuruh untuk buat aktiviti air. So bila aktiviti air itu, asthma ini saya tak tahu dia macam mana, dia akan start daripada kesesakan ke, kadang-kadang dia orang ini bersesak nafas tau."*

*-Bekas Pelatih A, Perbincangan Fokus PLKN (Bekas Pelatih)*

---

Berdasarkan perbincangan fokus bersama bekas pelatih dan jurulatih, didapati berlakunya insiden seperti buli, pergaduhan, salah faham, binatang berbisa, isu psikologi seperti histeria, kemalangan dan kecuaiian dalam mengendalikan aktiviti dengan pelatih yang mempunyai risiko kesihatan seperti asma. Para jurulatih menekankan bahawa prosedur dan proses sedia ada untuk mengawal selia dan melindungi para pelatih.

---

<sup>6</sup> Penyata Rasmi Dewan Rakyat. Parlimen Kesebelas Penggal Pertama Mesyuarat Pertama. DR.19.5.2004

<sup>7</sup> Penyata Rasmi Dewan Negara. Parlimen Keduabelas Penggal Kedua Mesyuarat Kedua. DN. 6.7.2009.

#### 4. Isu diskriminasi kaum

Insiden diskriminasi kaum dalam kalangan pelatih Program Latihan Khidmat Negara merupakan suatu isu yang kerap dibangkitkan oleh bekas pelatih, khususnya mereka dari golongan kaum minoriti.<sup>8, 9</sup> Antara kes-kes diskriminasi yang didapati adalah penggunaan nama disindir perkataan yang kesat, penghirauan berdasarkan kaum jika diberi jawatan kepimpinan, serta peminggiran oleh pelatih lain berdasarkan kaum. Terdapat dakwaan juga bahawa makanan yang disediakan juga tidak menjaga sensitiviti keagamaan agama. Antara insiden yang paling mengesalkan adalah insiden rambut seorang pelatih penganut Sikh yang dipotong tanpa pengetahuan pada waktu malam.<sup>10, 11</sup>

*Seorang responden daripada kajian yang dilaksanakan oleh Balakrishnan (2013) menyatakan bahawa: "Pelatih sangat racist. Mereka sentiasa mendiskriminasikan saya, contohnya name calling. Saya telah dipilih sebagai ketua keceriaan untuk dorm saya tapi tidak berfungsi sebab saya tidak dapat memberikan pandangan saya. Saya satu-satunya pelatih kaum \*\*\* dan saya selalu terasa sunyi sebab tidak dapat bergaul dengan pelatih dorm yang lain. Saya selalu dipaksa menurut perintah ketua dorm saya." <sup>8</sup>*

Berdasarkan perbincangan fokus bersama bekas pelatih dan jurulatih, mereka turut mengakui bahawa diskriminasi berasaskan identiti seperti kaum, bangsa, budaya, agama dan negeri asal memang wujud dalam kem PLKN sesama pelatih. Bekas Pelatih A terangkan berlakunya pembentukan "puak-puak" dengan anggota komuniti yang tersendiri dan pinggiran pelatih yang minoriti. Situasi sebegini menunjukkan kewujudan dinamik majoriti-minoriti di tapak perkhemahan dan pelatih yang terdiri daripada golongan minoriti dipinggir oleh pelatih-pelatih yang majoriti.

Bekas jurulatih juga mengesahkan bahawa kejadian yang berunsur rasis memang wujud di kem PLKN. Bekas Jurulatih A pula mengatakan perlekehan dan persendaan berasaskan kaum sesama pelatih wujud. Walaubagaimanapun, Bekas Jurulatih B menjelaskan bahawa kebanyakan kes sebegini berlaku pada permulaan kem di mana pelatih belum lagi didedahkan kepada modul seperti kenegaraan dan pembinaan karakter, situasi akan bertambah baik selepas mereka menjalani modul-modul tersebut dan beliau juga menekankan tanggungjawab jurulatih-jurulatih untuk menggalakkan persefahaman di tapak kem PLKN. Bekas Jurulatih C juga mencurahkan realiti kes diskriminasi kaum di tapak kem dan perkara ini disebabkan oleh kehidupan seharian pelatih di luar persekitaran PLKN yang berkelompok dengan komuniti mereka sendiri dan kekurangan pergaulan di antara kaum dalam kalangan belia di Malaysia.

Komandan A pula menerangkan bahawa kes-kes yang berasaskan kaum ini berlaku, tetapi insiden sebegini berlaku di kadar yang rendah dan terpencil. Menurut beliau, pengurusan tapak kem dan prosedur yang ditetapkan itu amat sensitif terhadap

<sup>8</sup> Balakrishnan, V. (2013). Penilaian Program Latihan Khidmat Negara Dari Perspektif Pelatih: Satu Kajian Kes. *Journal of Educators & Education/Jurnal Pendidik dan Pendidikan*, 28.

<sup>9</sup> *Reinstatement of PLKN: Not a bad idea after all - opinion*. MySin Chew 星洲网 Sin Chew Daily. <https://mysinchew.sinchew.com.my/news/20231011/mysinchew/5049195>

<sup>10</sup> Law, D. *Time to end National Service*. Malaysiakini. <https://www.malaysiakini.com/letters/81878>

<sup>11</sup> *Minister orders probe into "cutting" of sikh boy's hair*. The Star. (2019, November 30). <https://www.thestar.com.my/news/nation/2011/01/19/minister-orders-probe-into-cutting-of-sikh-boys-hair>

insiden-insiden yang memudaratkan hubungan antara kaum dan agama serta kejadian yang mengusik tatacara dan norma pelatih-pelatih. Komandan A juga berkongsi pendapat yang sama dengan jurulatih B, dimana mereka menekankan peranan dan perilaku jurulatih amat penting dalam pembinaan hubungan sesama pelatih yang berasal dari pelbagai latar belakang dan identiti.

---

*“Saya rasa berlaku pun, itu macam terpencil lah, kalau macam saya rasa saya tak pernah berlaku, kerana dari segi makanan pun, contoh india tak makan daging dan sebagai, kita sedia makanan itu, yang, maknanya kita sensitif dari segi, training, kita sensitif pada makan dia orang, masa sembahyang dia orang”*

*-Komandan A, Temuduga PLKN (Bekas Komandan)*

---

Kejadian diskriminasi kaum atau berasaskan mana-mana identiti pelatih ini bercanggah dengan objektif PLKN untuk memupuk perpaduan dan menggalakkan integrasi nasional, perlakuan yang tidak sama rata ini juga akan menghindarkan para pelatih daripada bergaul sesama mereka dan juga dengan para jurulatih di tapak perkhemahan turut memudaratkan keselesaan dan keselamatan mereka sepanjang program dilaksanakan.

## **5. Isu kebajikan**

Berdasarkan perbincangan fokus bersama bekas jurulatih, mereka melihat keputusan untuk memansuhkan Program Latihan Khidmat Negara pada tahun 2018 sebagai keputusan yang tidak wajar, dimana pemansuhan PLKN dilakukan tanpa kajian yang teliti. Pekerjaan jurulatih yang berlandaskan sistem kontrak menyumbang pada rasa ketidakpuasan antara jurulatih. Bagi individu yang bergantung pada pelantikan sebagai jurulatih, kesinambungan pekerjaan yang tidak stabil dan tidak adil berdasarkan sumbangan mereka kepada manfaat negara.

---

*“tolonglah tekankan kami yang jurulatih yang bersusah-payah siang malam untuk jaga pelatih, tak dihargai kami punya pengorbanan tuan.”*

*-Bekas Jurulatih C, Perbincangan Fokus PLKN (Bekas Jurulatih)*

---

Bekas Jurulatih D mengimbaskan pengalaman menganjurkan kelas tambahan untuk pelatih-pelatih yang buta huruf supaya pelatih yang kekurangan kemahiran dari segi penulisan dan pembacaan dapat memahami modul PLKN. Inisiatif tambahan ini tidak terkandung dalam tanggungjawab atau kontrak mereka sebagai jurulatih, malah ini merupakan satu bentuk sumbangan yang mereka ingin lakukan untuk masa depan pelatih. Cabaran para jurulatih termasuk kekurangan kerja yang tetap selepas tempoh percubaan, kekurangan peruntukan bagi kebajikan mereka seperti pampasan jika dihentikan kerja, serta kesukaran penempatan kerja yang kekal selepas pemansuhan PLKN. Selain itu, jurulatih juga menceritakan pengagihan kerja yang tidak berpadanan dengan kepakaran mereka yang mengurangkan keberkesanan modul PLKN. Contohnya, terdapat jurulatih yang berasa janggal untuk mengajar pendidikan seksual yang termasuk dalam kurikulum PLKN.





## **Fokus PLKN 3.0**

### **1. Memelihara keselamatan negara**

Sasaran utama PLKN 3.0 akan tumpu kepada pertahanan keselamatan dan kedaulatan negara. Latihan modul fizikal yang berunsur tentera berserta pendidikan sivik dapat merangsang belia untuk bertindak dengan integriti, disiplin dan hemah tinggi dalam masa depan. PLKN juga dapat membanteras gejala negatif yang dapat memudaratkan kestabilan negara seperti kesalahgunaan kuasa, rasuah dan penyelewengan wang. Sehubungan dengan itu, fokus pertama ini juga dapat meningkatkan kesejahteraan, kedamaian dan kemakmuran negara.

### **2. Mengembangkan patriotisme, ilmu ketatanegaraan dan semangat cintakan negara**

Generasi muda juga dapat menguasai ilmu pengetahuan yang merangkumi pengajian sivik, pengenalan kepada struktur pentadbiran dan proses pengurusan kerajaan, meneliti tentang perlembagaan negara, hak mereka dan setiap insan dikelilingi mereka, meningkatkan kesedaran tentang rangka sosial, adab dan budaya di negara kita. Dengan ini, para belia dapat mengasahkan pengetahuan mereka tentang ketatanegaraan dan ilmu yang diperolehi secara langsung dapat menyemarakkan patriotisme dan semangat cinta mereka pada negara.

### **3. Mengukuh kesepaduan sosial seiring dengan identiti kebangsaan**

PLKN merupakan satu gelanggang di mana persefahaman dan dialog sesama setiap lapisan masyarakat dapat dipupuk. Golongan muda, terutamanya mereka yang membesar di komuniti/kawasan yang homogeneous dapat didedahkan dan merasai pengalaman serta berdepan dengan suasana yang berkepelbagaian dan berlainan dari kebiasaan mereka. Kelompok belia ini dapat berinteraksi dan menjalin rangkaian persahabatan yang melangkaui norma mereka, ini akan menyatukan dan memupuk sifat empati sesama pelatih. Dengan adanya jalinan kesepaduan, secara serentak semangat kekitaan dan identiti kebangsaan dapat disuburkan.

### **4. Medan Pembangunan Belia**

PLKN merupakan satu arena di mana golongan belia dengan latar belakang di Malaysia mempunyai kesempatan untuk berkumpul, di didik dan diperkasakan dengan kemahiran dan pengetahuan untuk menaikkan taraf kehidupan dan meningkatkan nilai kebolehpasaran mereka pada masa hadapan. Dengan program-program pembangunan belia, para pelatih dapat dipersiapkan dengan pengetahuan keusahawanan, kompetensi teknologi terkini, kemahiran teknikal dan vokasional.

**Perbezaan di antara konsep-konsep yang perlu difokuskan pada PLKN 3.0:**

Fokus	Perbezaan Konsep
<b>Keselamatan Negara</b>	Secara umumnya ia merangkumi aspek pertahanan negara daripada ancaman dalam dan luar yang dapat membahayakan keselamatan orang awam. Menekankan keperluan untuk menyiapiagakan perlindungan dalam bentuk ketenteraan dan bukan ketenteraan untuk risiko yang bakal mengancam kebebasan, keamanan dan ketenteraman rakyat dari segala bahaya, bencana dan musibah. <sup>12, 13</sup>
<b>Patriotisme</b>	Dalam bahasa yang mudah, ia menggambarkan semangat cinta dan kasih seseorang kepada negaranya. Jika makna yang lebih kompleks, patriotisme melibatkan pelbagai dimensi; ia melibatkan tanggungjawab moral sesama setiap warganegara, keazaman rakyat untuk meningkatkan kesejahteraan negara, kebaktian mereka pada negara, rasa kepunyaan, semangat pembinaan negara dengan kritikal dan menghargai setiap keunikan masyarakat untuk membina negara. <sup>14, 15</sup>
<b>Kesepaduan Sosial</b>	Memperakui setiap keunikan individu dan saling menghargai antara satu sama lain tidak kira latar belakang. Perbincangan yang sihat dan pembinaan hubungan silaturahim yang akan meningkatkan persefahaman dan membina rangkaian antara masyarakat yang berbilang kaum, etnik, agama dan latar belakang. Ia juga melambangkan rasa hormat sesama masyarakat dan menghidupkan nilai empati. <sup>16</sup> Secara ringkas, kesalinghubungan atau ikatan sesama individu yang berlainan latar belakang di sebuah suasana sosial menggambarkan kesepaduan sosial. <sup>17</sup>
<b>Pembangunan Belia</b>	Pembangunan belia merangkumi pemerksaan golongan muda untuk meningkatkan daya pemikiran secara mandiri, kemahiran membuat keputusan, meluaskan kompetensi yang selaras dengan peredaran zaman dan mendirikan ekosistem yang menyokong para belia untuk menglibatkan diri dengan aktif di dalam proses pembangunan masyarakat dan negara. Elemen pembangunan belia juga menerapkan kepentingan kesedaran golongan muda terhadap hak-hak asasi mereka dan pembinaan keupayaan mereka untuk merealisasikan potensi diri mereka. <sup>18</sup>

<sup>12</sup> Makinda, S. M. (1998). Sovereignty and global security. *Security Dialogue*, 29(3), 281-292.

<sup>13</sup> UNDP. (2006). The Human Security Framework and National Human Development Reports. *NHDR Occasional Paper*, 5.

<sup>14</sup> Primoratz, I. (2009). Patriotism and the Value of Citizenship. *Acta Analytica*, 24(1), 63-67.

<sup>15</sup> Schatz, R. T. (2020). A review and integration of research on blind and constructive patriotism. *Handbook of patriotism*, 613-631.

<sup>16</sup> Pagani, C. (2014). Diversity and social cohesion. *Intercultural Education*, 25(4), 300-311.

<sup>17</sup> Meer, T. V. D., & Tolsma, J. (2014). Ethnic diversity and its effects on social cohesion. *Annual Review of Sociology*, 40, 459-478

<sup>18</sup> UNICEF. *Adolescent and Youth Development*.

<https://www.unicef.org/serbia/en/adolescent-and-youth-development>

## Model Relatif di Peringkat Antarabangsa

Negara berserta Program	Objektif	Struktur Program	Focus
<b>Malaysia: Program Latihan Khidmat Negara (PLKN 1.0 dan 2.0)</b>	Matlamatnya adalah untuk menyemarakkan patriotisme, memupuk perpaduan sesama kaum, menyemai nilai-nilai positif, memperkasakan generasi muda dan menyuburkan perkembangan sosial.	Belia yang berumur 18 tahun dan ke atas dipilih secara rawak dari tahun 2004 sehingga 2014 dan pada tahun berikutnya sehingga pembubaran PLKN, para belia boleh daftar secara sukarela.  Modul latihan dikategorikan kepada empat bahagian, iaitu; fizikal, kenegaraan, pembinaan karakter dan khidmat komuniti. Modul PLKN 2.0 juga mengandungi latihan literasi komputer. (Bekas Jurulatih - Perbincangan Fokus, Bekas Jurulatih)	<input checked="" type="checkbox"/> national security <input checked="" type="checkbox"/> patriotisme <input checked="" type="checkbox"/> social cohesion <input checked="" type="checkbox"/> pembangunan belia
<b>Brunei: Program Khidmat Bakti Negara</b> <sup>19</sup>	Motifnya adalah untuk mewujudkan belia yang cemerlang, tanggungjawab dan berdisiplin.  Pelaksanaan program ini berlandaskan konsep kesukarelawan, pembangunan belia dan pembentukan jati diri.	Belia warganegara yang berumur diantara 16 - 21 tahun yang berminat dapat berdaftar secara sukarela.  Kandungan programnya bersifat holistik di mana ia merangkumi unsur kerohanian dan jasmani.	<input checked="" type="checkbox"/> national security <input checked="" type="checkbox"/> patriotisme <input checked="" type="checkbox"/> social cohesion <input checked="" type="checkbox"/> pembangunan belia

<sup>19</sup> Program Khidmat Bakti Negara. KKBS. <https://www.kkbs.gov.bn/Pages/Bahagian-PKBN.aspx>

<p><b>Korea Selatan: Mandatory Military Service</b> <sup>20</sup></p>	<p>Pengukuhan benteng keselamatan negara dan kesediaan untuk mempertahankan negara dari ancaman luar.</p>	<p>Pengambilan wajib dan dikhususkan kepada warganegara lelaki Korea berusia 15 - 35 tahun.</p> <p>Jangka masa perkhidmatan: 18 - 21 bulan.</p> <p>Dapat memilih untuk berkhidmat dalam bahagian pertahanan di dalam negara atau ketenteraan. Mengikut minat serta kelayakan yang diperolehi perkhidmatan boleh dibuat dalam unit pertempuran atau professional (seperti kedokteran, penyelidik, pengamal undang-undang awam, penjawat sivil atau admin)</p>	<p><input checked="" type="checkbox"/> national security</p> <p><input checked="" type="checkbox"/> patriotisme</p> <p><input type="checkbox"/> social cohesion</p> <p><input type="checkbox"/> pembangunan belia</p>
<p><b>Perancis: Service National Universel (SNU)</b> <sup>21</sup></p>	<p>Tujuan utamanya adalah untuk meningkatkan kesepaduan sosial.</p>	<p>Pendaftaran dan pengambilan adalah secara sukarela dan ditumpukan kepada belia berusia 15 - 17 daripada pelbagai latar belakang.</p> <p>Latihannya dikategorikan kepada 3 fasa:</p> <p>Fasa 1 (2 Minggu): Menjalankan aktiviti dari segi sukan, kebudayaan, pertahanan dan pendidikan sivik untuk menyemarakkan pergaulan sesama pelatih dan jurulatih.</p> <p>Fasa 2 (84 Jam): Pelancaran khidmat masyarakat oleh pelatih di bidang pilihan mereka.</p> <p>Fasa 3 (3 Bulan - 1 Tahun): Melakukan perkhidmatan sukarela atau bekerja di sektor awam. Fasa ini hanya terbuka kepada pelatih yang telah menyelesaikan Fasa 1 dan 2.</p>	<p><input checked="" type="checkbox"/> national security</p> <p><input checked="" type="checkbox"/> patriotisme</p> <p><input checked="" type="checkbox"/> social cohesion</p> <p><input type="checkbox"/> pembangunan belia</p>

<sup>20</sup> Military Manpower Administration. <https://www.mma.go.kr/eng/index.do>

<sup>21</sup> Service National Universel. SNU. <https://www.snu.gouv.fr/>

<p><b>Singapore: National Service (NS)</b> <sup>22</sup></p>	<p>Matlamat utama adalah untuk mempertahankan kedaulatan negara dan membina benteng keselamatan negara melalui belia dan dikhususkan kepada lelaki</p>	<p>Setiap sesi latihan dilaksanakan selama 2 tahun dan dikhaskan kepada anak muda berusia 16 dan ke atas.</p> <p>Pelatih harus memilih vokasional yang diminati untuk berkhidmat mahupun di unit pertahanan dalam negara atau ketenteraan.</p>	<p><input checked="" type="checkbox"/> national security</p> <p><input checked="" type="checkbox"/> patriotisme</p> <p><input type="checkbox"/> social cohesion</p> <p><input type="checkbox"/> pembangunan belia</p>
<p><b>Switzerland: Military Service and Civilian Service</b> <sup>23</sup></p>	<p>Tujuannya ialah untuk menjaga kedaulatan negara, pembinaan negara, menunaikan tanggungjawab sebagai warganegara dan mengukuhkan identiti kebangsaan.<sup>24</sup></p>	<p>Setiap Lelaki dewasa Swiss antara umur 18 - 30 tahun dikehendaki menyumbang dalam perkhidmatan tentera atau perkhidmatan awam seperti di bidang kebajikan, kesihatan dan perlindungan/pemeliharaan alam sekitar manakala pengambilan wanita adalah secara sukarela.</p> <p>Latihan asas ketenteraan mesti dijalani di antara usia 18 - 25 tahun. Seterusnya, pelatih akan didaftar sebagai tentera simpanan sepanjang 10 tahun dan akan menjalani latihan refresher selama enam kali.</p> <p>Keahlian bagi mereka yang memilih perkhidmatan awam akan berkekalan selama satu setengah kali ganda tahun daripada laluan ketenteraan dan akan dijangka untuk menyumbang perkhidmatan sebanyak 26 hari setiap tahun.</p>	<p><input checked="" type="checkbox"/> national security</p> <p><input checked="" type="checkbox"/> patriotisme</p> <p><input type="checkbox"/> social cohesion</p> <p><input type="checkbox"/> pembangunan belia</p>

<sup>22</sup> CMPB: Home. Central Manpower Base (CMPB). <https://www.cmpb.gov.sg/web/portal/cmpb/home>

<sup>23</sup> *Military Service and Civilian Service*. Easy Answers About Life in Switzerland.

<https://www.ch.ch/en/safety-and-justice/military-service-and-civilian-service/military-service/#before-military-service>

<sup>24</sup> Heggin, O. (2022). *Commentary: Evolving Switzerland's conscription system into a citizen's service*. Human Security Centre.

<http://www.hscentre.org/europe/commentary-evolving-switzerlands-conscription-system-citizens-service/>

<b>Taiwan: Compulsory Military Service</b> <sup>25, 26</sup>	<p>Matlamatnya ialah untuk, menjaga kedaulatan, mempertahankan keselamatan negara dan menyediakan unit pertahanan simpanan untuk masa depan.</p>	<p>Dewasa lelaki berumur 18 - 36 tahun</p> <p>Jangka masa perkhidmatan adalah 4 bulan sehingga 2023 dan akan berlanjutan hingga 1 tahun mulai January 2024.</p> <p>Latihan asas ketenteraan sepanjang 4 bulan. Seterusnya, perkhidmatan dalam unit pertahanan negara. Kursusnya meliputi pembelajaran taktik ketenteraan, latihan pertempuran dan penggunaan senjata.</p>	<p><input checked="" type="checkbox"/> national security</p> <p><input checked="" type="checkbox"/> patriotisme</p> <p><input type="checkbox"/> social cohesion</p> <p><input type="checkbox"/> pembangunan belia</p>
<b>Turki: Military Service</b> <sup>27</sup>	<p>Sebagai satu negara yang dikelilingi ancaman luar dan bencana, Turki ingin membuat penyediaan untuk keselamatan negara dan mempertahankannya melalui perkhidmatan wajib ini.</p>	<p>Wajib bagi semua warganegara berusia 20 - 41 tahun.</p> <p>Latihan asas tentera akan dijalankan selama 1 bulan.</p> <p>Jangka masa perkhidmatan tentera bergantung pada kelayakan akademik; lepasan sekolah selama 12 bulan, lepasan universiti selama 8 bulan sebagai tentera simpanan dan perkhidmatan jangka pendek 6 bulan kepada lepasan universiti yang tidak didaftar sebagai tentera simpanan.</p>	<p><input checked="" type="checkbox"/> national security</p> <p><input checked="" type="checkbox"/> patriotisme</p> <p><input type="checkbox"/> social cohesion</p> <p><input type="checkbox"/> pembangunan belia</p>

<sup>25</sup> Office of the President Republic of China (Taiwan). President Tsai Announces Military Force Realignment Plan. <https://english.president.gov.tw/NEWS/6417>

<sup>26</sup> Act Of Military Service System - Article Content - Laws & Regulations Database Of The Republic Of China (Taiwan). <https://law.moj.gov.tw/ENG/LawClass/LawAll.aspx?pcode=F0040001>

<sup>27</sup> Turkish Army. All About Turkey. *Turkish Army*. <https://www.allaboutturkey.com/army.html>

<p><b>United Kingdom: National Citizen Service's (NCS) <sup>28</sup></b></p>	<p>Untuk menggalakkan jaringan sosial, perpaduan dan memperkasakan anak muda dengan kemahiran dan pengetahuan dalam pelbagai bidang.</p> <p>Dirangka untuk meningkatkan kesepaduan sosial, penguasaan kemahiran am, kebolehpasaran belia, kesedaran dan kesejahteraan sosial.</p>	<p>Pengambilan secara sukarela dan dikhususkan kepada belia berumur 16 - 17 tahun.</p> <p>Pelaksanaan program melalui kaedah yang berbeza iaitu:</p> <p>(i) Program berasrama selama 5 hari</p> <p>(ii) Kursus-kursus online</p> <p>(iii) Aktiviti-aktiviti khidmat masyarakat</p> <p>(iv) Penempatan latihan amali bergaji selama 6 - 12 bulan</p>	<p><input checked="" type="checkbox"/> national security</p> <p><input checked="" type="checkbox"/> patriotisme</p> <p><input checked="" type="checkbox"/> social cohesion</p> <p><input checked="" type="checkbox"/> pembangunan belia</p>
--	---	---	---

<sup>28</sup>NCS. National Citizen Service: Five Year Impact 2018-2022.



## **Rumusan Perbandingan dengan Negara Lain**

Setiap matlamat, proses dan juga struktur yang dianalisis di atas perlu diselidik dengan teliti, disesuaikan dengan keperluan semasa negara kita serta mencapai matlamat asalnya seperti; meningkatkan semangat patriotisme dan cintakan negara, mengukuhkan hubungan antara pelbagai lapisan masyarakat, memperkasakan belia dengan nilai yang positif dan kemahiran untuk memajukan diri dan memajukan keadaan sosial negara.<sup>11</sup>

Negara seperti UK dan Perancis yang tertera di jadual di atas mempunyai ciri-ciri yang serupa dengan Malaysia terutamanya dari **segi pembahagian demografi**, di mana rakyatnya terdiri daripada pelbagai latar belakang dan struktur sosialnya bersifat heterogenous. Secara spesifik, struktur sosial negara UK, Perancis dan Malaysia merangkumi masyarakat daripada berbagai-bagai bangsa, etnik, budaya dan agama. Oleh sebab itu, perkhidmatan nasional di negara-negara ini boleh menjadi tunjang untuk mengeratkan hubungan silaturahim antara anak muda dan seterusnya mengukuhkan lagi identiti kebangsaan. Selain itu, jurang masyarakat dan ancaman daripada ideologi ekstremisme berasaskan identiti semakin meningkat di arena global dan ini menjejaskan persefahaman antara pelbagai lapisan masyarakat, jadi PLKN yang menitikberatkan semua fokus dibincangkan memainkan peranan yang amat penting untuk menghindari gejala-gejala negatif tersebut yang sedang merebak.

PLKN 3.0 patut mengambil teladan baik pelaksanaan program khidmat nasional daripada negara yang dikupaskan di atas dan membentuknya untuk memenuhi keperluan negara kita dan matlamat kita. Serentak dengan itu, format PLKN 3.0 juga boleh menuruti cadangan yang dikemukakan supaya objektifnya boleh dicapai secara holistik dan PLKN tetap berkesinambungan.

Program yang diimplementasikan oleh Korea Selatan, Singapura dan Taiwan mengikuti satu aspek yang khas iaitu latihan tentera dan pengambilannya negara-negara ini juga dikhususkan kepada anak muda lelaki sahaja. Namun di negara Malaysia, Brunei, Perancis, Switzerland, Turki dan UK program perkhidmatan nasional menerapkan elemen keterangkuman jantina dalam pengambilan pelatih, di mana ianya bukan satu unsur yang wajib dipertimbangkan untuk membuat pemilihan pelatih. Bagi merealisasikan program perkhidmatan nasional yang berkesan dan untuk memberangsangkan kemajuan yang lebih berimpak kepada negara, tumpuan format program perlu diberikan kepada unsur-unsur patriotisme, keselamatan negara, integrasi nasional, identiti kebangsaan, persefahaman dan kesepaduan sosial dan keterangkuman secara holistik.

## Cadangan Pentadbiran

### 1. Melancarkan program rintis PLKN 3.0 dengan modul yang baharu

Untuk meningkatkan keberkesanan program PLKN dan memperbaiki defisit kepercayaan awam, kami menyarankan pihak kementerian untuk menjalankan projek rintis untuk bakal PLKN 3.0 dahulu. Kajian rintis di tahap permulaan dapat menguji keberkesanan dan menguji kandungan program, jadi mengurangkan risiko kegagalan dan menjimatkan kos.<sup>29</sup> Pindaan struktur PLKN 3.0 juga mesti ditumpukan kepada penyelesaian jurang sosial yang semakin lebar dan merangkaikan persefahaman sesama kumpulan etnik berbeza. Penggabungan unsur kesepaduan sosial yang berkesan akan menangani keraguan orang ramai mengenai matlamat program ini dan memupuk minat mereka untuk menyertainya.

### 2. Majlis dan Jabatan PLKN yang tidak berpartisan

Untuk pentadbiran PLKN yang utuh, stabil dan berkekalan, ahli-ahli Majlis dan Jabatan PLKN perlu bertindak secara tidak berpartisan, bermakna kepentingan politik, tindakan yang berat sebelah perlu dielakkan. Ahli-ahli perlu bertindak neutral untuk menunaikan tanggungjawab bagi kepentingan dan kesejahteraan rakyat Malaysia, terutamanya warga belianya dengan memastikan pelaksanaan program yang efektif,<sup>30</sup> menyelenggara kelangsungan program dan berusaha untuk mencapai objektif PLKN. Pada masa yang sama, kebebasan untuk melatih mempraktis perbincangan atau wacana mengenai fakta atau realiti politik negara juga perlu digalakkan dan ianya mustahak untuk pemeraksanaan dan perkembangan belia di negara kita.<sup>31</sup>

### 3. Menambah perwakilan golongan belia di Majlis PLKN

Seiring dengan perwakilan daripada pelbagai lapisan masyarakat terutamanya dari segi etnik dan agama di Majlis PLKN, perwakilan ahli belia mesti ditingkatkan supaya pentadbiran dan pengurusan program dapat menggambarkan minat pemuda-pemuda generasi terkini.<sup>32, 33</sup> Perwakilan daripada kumpulan belia dapat memastikan modul-modul yang diperkenalkan dan cara pengendaliannya juga sepadan dengan permintaan dan keperluan generasi terkini. Langkah ini juga akan melambangkan komitmen kerajaan untuk meningkatkan penyertaan golongan belia dalam urus tadbir dan dapat menggalakkan kemajuan yang memberangsangkan bagi program PLKN dan juga negara.

### 4. Pelaksanaan dan pengurusan proses perolehan yang telus

Untuk membanteras gejala rasuah dan praktis kurang telus yang memudaratkan pembangunan, pelaksanaan dan prestasi program PLKN. Pengendalian perolehan seperti penyediaan sumber atau bahan keperluan, pengurusan tapak program, pembekalan makanan,

---

<sup>29</sup> Paluck, E. L., & Green, D. P. (2009). Prejudice reduction: What works? A review and assessment of research and practice. *Annual review of psychology*, 60, 339-367.

<sup>30</sup> OECD. *How to engage youths in open governance - A communication guide*.

<https://www.youthpower.org/resources/how-engage-youths-open-governance-communication-guide>

<sup>31</sup> Guardian News and Media. (2022). The voices of young people are essential to building a fairer society. It's time our leaders listened. *The Guardian*.

<sup>32</sup> Jalal Nori, A. (2017). Understanding and Rethinking Youth Policy in Malaysia. *Third International Conference on Elections & Democracy in Malaysia 2017*.

<sup>33</sup> Fadzil, M. F., Ismail, I. A., & Krauss, S. E. (2022). Malaysian Youth Political Participation. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 12(14), 146-156.

pembayaran gaji atau elaun untuk jurulatih, kakitangan tapak perkhemahan dan pelatih harus dibiayai dan diurus dengan cara yang telus, jelas dan diketahui awam. Prosedur sebarang perolehan dan bayaran perlu menepati prinsip akauntabiliti, integriti dan bebas dari unsur rasuah supaya keyakinan rakyat, keberkesanan dan kesinambungan program dapat ditetapkan.<sup>34, 35</sup>

##### **5. Mendirikan badan perwakilan bebas untuk menangani aduan dan laporan**

Berhubungan dengan keperluan jaminan keselamatan, suatu badan ombudsman harus didirikan supaya mekanisme yang teguh dapat diwujudkan untuk menerima, menyiasat, menangani dan menyelesaikan konflik, aduan dan laporan pelatih pada terhadap penjawat awam seperti jurulatih ataupun kakitangan tapak PLKN yang lain. Penubuhan badan perwakilan ini menandakan bahawa sebarang perkara ataupun kejadian yang dilaporkan akan dikendalikan melalui saluran bebas yang mengutamakan kepentingan keselamatan warga program, terutamanya pelatih dan prosedurnya tidak dipengaruhi mana-mana pihak. Badan ombudsman dapat memastikan keadilan yang wajar tanpa prosedur birokrasi yang rumit dan luas.<sup>36, 37</sup>

---

<sup>34</sup> Tan, S. (2019). Conflict of interest: Preventing political patronage and corruption in Malaysia. *C4 Center*.

<sup>35</sup>Perbendaharaan Malaysia. Punca Kuasa, Prinsip Dan Kategori Perolehan Kerajaan. *Portal Pekeliling Perbendaharaan (PPP)*. <https://ppp.treasury.gov.my/sub-topik/fail/23/muat-turun>

<sup>36</sup>Lee, R. (2017). Upgrading Democracy: 'Soft Laws' And The Ombudsman. *Institute for Democracy and Economic Affairs: Combating Corruption*, vol. 37.

<sup>37</sup>Firdaus, U. F., Wan Mohamad Saferdin, W. F. H., Roslan, N. A., Zulkarnain, I. F., & Samasu, N. F. (2022). The Effectiveness of the Ombudsman Institution in Improving the Efficiency of Public Administration. *Journal of Administrative Science*, 19(2), 317–328.

## Cadangan Penstrukturan Program

### 1. Mengambil kira teori sains sosial dalam memberikan impak yang holistik terhadap PLKN di samping menjimatkan kos.

Penemuan kajian sains sosial sedia ada perlu dirujuk dan diteliti dengan lebih mendalam supaya kandungannya dapat memberi penjelasan untuk membina, melancar dan menjalan program PLKN dengan implikasi yang positif. Dengan cara ini, kadar perbelanjaan juga dapat dijitamkan dengan pengaplikasian ilmu yang sedia ada. Sehubungan dengan itu, terdapat kajian yang menunjukkan bahawa dengan pemerksaan anak muda yang berpengaruh dalam sebuah kelompok, kesannya akan meluas kepada belia yang berada di dalam dalam kumpulan itu. Maka, saranan kami pada pihak kementerian adalah hanya mengambil pelatih yang mempunyai ciri-ciri kepimpinan dan dapat mempengaruhi rakan sebaya dengan hasil positif untuk menyertai program PLKN. Kaedah ini juga dapat menjimatkan kos pengambilan pelatih.<sup>38</sup>

### 2. Meminda modul dan menyesaikannya dengan acuan generasi Z

Perubahan modul harus dilakukan untuk mengatasi pemecahan sosial yang semakin berleluasa dan persefahaman sosial yang kian berkurangan. Penggubalan dari segi kandungan dan cara penyampaian modul amat diperlukan. Kandungan yang memberi tumpuan kepada pemupukan kesepaduan sosial serta meningkatkan jalinan sosial harus digabungkan dalam modul PLKN. Sejurus dengan itu, cara informasi disampaikan juga perlu mengikut susunan yang tidak padat, menyeronokkan, menrangsangkan daya pemikiran dan sepadan dengan generasi terkini. Seperti dikemukakan oleh Bekas Pelatih C dan Jurulatih B, modul-modul PLKN perlu ditambah baik supaya proses pembelajaran lebih berinteraktif, pelatih generasi terkini lebih berminat dan melibatkan diri mereka sepanjang pelaksanaan modul. Beliau juga menyarankan penggabungan teknologi untuk pengajaran modul dapat memudahkan proses penyerapan dan pemahaman pelatih dengan topik-topik yang diajar.

---

*“saya nak cadangkan kita boleh inline tambah baik modul-modul itu dengan teknologi semasa lah, selari dengan kita punya apa dia, ai ke, kita upgrade dia punya level so make it lagi interesting dan dalam masa yang sama dia boleh menyerap masuk ke jiwa remaja yang sekarang”*

*-Bekas Jurulatih B, Perbincangan Fokus PLKN (Bekas Jurulatih)*

---

### 3. Menambah jurulatih daripada pelbagai etnik dan agama

Jurulatih yang terdiri daripada pelbagai kumpulan etnik akan melambangkan ikatan sosial yang perlu dicontohi dan mendorong pelatih untuk mengikut langkah yang sama. Tindakan ini juga dapat memberi jaminan kepada pelatih dari lapisan masyarakat berbeza bahawa mereka berada di dalam persekitaran yang selamat dan damai serta meyakinkan mereka bahawa kepelbagaian merupakan suatu kekuatan bagi negara kita. Memandangkan bekas-bekas jurulatih telah membincangkan tentang kekurangan jurulatih bukan bumiputera dan kekurangan kerencaman dari segi agama dalam kalangan jurulatih. Maknanya, kepelbagaian

---

<sup>38</sup> Paluck E.L., Shepherd H., Aronow P.M. (2016). Changing climates of conflict: A social network experiment in 56 schools. *Proceedings of the National Academy of Sciences*. 113(3), 566-71

jurulatih dari aspek etnik dan agama perlu ditingkatkan agar itu menggambarkan sebagai contoh yang perlu diikuti dalam kehidupan seharian tanpa pengabaian mana-mana manusia kepada pelatih terutamanya dan juga warga Malaysia.

#### 4. Mengurangkan jurang perwakilan antara etnik

Nisbah pelatih yang terdiri daripada pelbagai etnik perlu diperkecilkan, bermakna komposisi pelajar daripada setiap kumpulan etnik yang berbeza harus mencapai skala yang hampir sama. Tujuannya adalah untuk mengurangkan kecenderungan pelatih yang akan memilih untuk bergaul bersama kumpulan etnik mereka. Dengan nisbah yang diperkecilkan hampir semua kumpulan etnik akan diambil dalam kadar yang sama, pemecahan majoriti-minoriti dapat dielakkan dan ini seterusnya akan mendorong pergaulan sesama kumpulan etnik yang berbeza. Bekas Pelatih B mengulas tentang suatu aktiviti perkhemahan yang dilaksanakan pada tahun 2004. Beliau menyatakan bahawa di PLKN memang mempunyai peluang untuk bergaul masyarakat yang pelbagai etnik dan semasa pelaksanaan aktiviti perkhemahan tersebut serta beliau berkumpul dengan sepuluh pelatih yang terdiri daripada 7 Melayu, 2 Cina dan 1 India. Kenyataan ini menunjukkan jurang nisbah yang amat ketara iaitu 7:2:1. Jadi jurang nisbah ini perlu diatasi untuk mengelakkan keadaan “perpuakan” di tapak perkhemahan PLKN.

---

*“Satu khemah kita duduk sepuluh orang, 7 Melayu, 2 Chinese 1 Indian, saya okay je.”*

*-Bekas Pelatih B, Perbincangan Fokus PLKN (Bekas Pelatih)*

---

#### 5. Mengaplikasikan “sistem corp” untuk pengambilan jurulatih

Kami ingin sarankan untuk meneladani sistem “crème de la crème” yang digunakan oleh Peace Corp untuk memilih bakat yang terbaik dalam pengambilan jurulatih bagi memastikan penyampaian program PLKN yang efektif. Maka, jurulatih boleh diambil daripada graduan universiti yang berpotensi tinggi selama 2 tahun dan bakal jurulatih juga perlu mempunyai kelebihan sahsiah, ilmu pengetahuan, daya pemikiran kritikal, kecerdasan emosi, kemahiran komunikasi dan sifat empati yang tinggi. Sistem pengambilan sebegini telah diaplikasikan oleh sebuah badan bukan kerajaan tempatan iaitu Teach for Malaysia (TFM); dimana graduan universiti yang berbakat dan mempunyai sifat kepimpinan yang tinggi diambil untuk dijadikan sebagai guru di sekolah-sekolah yang berkeperluan tinggi. Seterusnya guru-guru di program TFM diperkasakan dengan latihan dan bimbingan profesional untuk mereka berkhidmat sebagai guru yang berprestasi tinggi dan praktis ini telah terbukti meninggalkan impak positif kepada murid-murid dan sistem pendidikan negara.<sup>39</sup> Seorang komandan yang ditemu duga menegaskan bahawa pemilihan tenaga jurulatih mesti dilakukan dengan cermat, tenaga pengajar wajar berpegang kuat pada nilai-nilai yang menggalakkan perpaduan dan persefahaman kepada para pelatih, beliau mengajar bahawa jika jurulatih tidak mempunyai integriti, nilai, kemahiran dan semangat untuk menggalak permuafakatan jadi mereka akan menjadi “virus” yang akan mencetuskan perpecahan dan menanamkan sifat kebencian dalam kalangan pelatih.

---

<sup>39</sup> Teach For Malaysia. *Our impact*. <https://teachformalaysia.org/our-impact/>

*“Pemilihan jurulatih, pemilihan jurulatih perlu dibuat dengan betul kerana kita tidak mau yang jurulatih-jurulatih yang dipilih ini yang menjadi satu virus untuk memecahkan perpaduan, begitu jugalah dengan pegawai-pegawai inilah virus perpaduan, kerana salah pilih dia bermuka-muka cakap dengan kita lain, cakap dengan budak-budak lain, jadi virus”*

*-Komandan A, Temuduga PLKN (Bekas Komandan)*

---

## **6. Menjalankan Pemantauan dan Penilaian Bebas**

Pemantauan bermaksud pengelolaan sepanjang pelaksanaan program, indikator-indikator keberhasilan program akan diselia untuk menjejaki kemajuan program. Manakala penilaian bertujuan untuk menaksir sesuatu program secara seluruh, di mana keberhasilan dinilai mengikut pencapaian matlamatnya. Penyelenggaraan yang berterusan melalui pemantauan dan penilaian bebas harus dilaksanakan supaya program PLKN tetap berlanjar, memberi kesan yang positif dan mencapai matlamatnya. Prosedur ini akan memberi pencerahan berkenaan dengan pematuhan tatacara program, pengendalian fasiliti, perkembangan pelatih, keberkesanan modul dan aspek-aspek yang perlu ditambah baik. Kerjasama bersama bersama pihak berkepentingan adalah mustahak untuk mendapat pendapat demi penambahbaikan PLKN pada masa depan, meningkatkan akauntabiliti dan ketelusan dari segi pelaksanaan program, serta pemantauan dan penilaian ini juga dapat meningkatkan keberkesanan program PLKN.<sup>40, 41</sup>

---

<sup>40</sup> The Organization for Economic Co-operation and Development (OECD). 2002. Handbook on monitoring and evaluating for results. OECD. <https://www.oecd.org/derec/undp/35134974.pdf>


<sup>41</sup>International Organization for Migration (IOM). 2020. IOM Monitoring and Evaluation Guidelines. IOM. [https://publications.iom.int/system/files/pdf/IOM-Monitoring-and-Evaluation-Guidelines\\_1.pdf](https://publications.iom.int/system/files/pdf/IOM-Monitoring-and-Evaluation-Guidelines_1.pdf)

## Cadangan Pengurusan Perbelanjaan


Perbandingan perbelanjaan tahun 2009-2014

Tahun	Anggaran Perbelanjaan	Pengurusan	Latihan	Bilangan Peserta	Kos Setiap Peserta
2009	RM636,482,000.00	RM33,962,500.00	RM602,519,500.00	89,405	RM7,119.09
2010	RM610,675,400.00	RM22,968,400.00	RM587,707,000.00	76,959	RM7,935.07
2011	RM668,775,030.00	RM26,263,864.00	RM642,511,166.00	75,346	RM8,876.05
2012	RM653,853,100.00	RM27,878,800.00	RM625,974,300.00	73,800	RM8,859.80
2013	RM627,221,000.00	RM41,663,500.00	RM585,557,500.00	82,239	RM7,626.81
2014	RM632,509,100.00	RM47,080,600.00	RM585,428,500.00	80,069	RM7,899.55

## Anggaran Perbelanjaan PLKN, Tahun 2009-2014



## Bilangan Peserta and Kos Setiap Peserta, 2009-2014




### 1. Peningkatan bajet setiap peserta bagi pemerkasaan kualiti program sambil mengurangkan saiz kohort bagi sensitiviti kos.

Peningkatan peruntukan kewangan akan memastikan setiap peserta mendapat akses kepada kemudahan yang lebih berkualiti serta latihan yang lebih bermakna melalui pengambilan pelatih yang berkaliber tinggi. Langkah ini melibatkan pengurangan bilangan peserta dalam setiap kumpulan atau kohort PLKN 3.0. Kohort yang lebih kecil membolehkan PLKN 3.0 mengurangkan kos operasi seperti perbelanjaan makanan dan penginapan. Merujuk kepada **Kotak Maklumat 1**, program efektif dengan kohort yang lebih kecil boleh dilaksanakan dengan penggunaan proses saringan untuk memilih peserta yang mempunyai kadar pengaruh yang tinggi dalam kalangan rangkaian sosial mereka.

**Kotak Maklumat 1.** Kajian *Paluck et al. (2016) 'Changing climates of conflict: A social network experiment in 56 schools'* menunjukkan keberkesanan saringan pempengaruh dalam inisiatif anti-buli.<sup>38</sup>

Kajian anti-konflik di Amerika Syarikat yang memberikan latihan anti-konflik kepada pelajar di sekolah untuk menurunkan kadar buli. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pemberian latihan kepada pelajar yang mempunyai penyambungan kepada pelajar lain yang lebih ramai adalah lebih berkesan berbanding pilihan pelajar terima latihan secara rawak.





**2. Penggunaan fasiliti kerajaan sedia ada, khususnya Kem Wawasan dan Kem Bina Negara (KBN).**

Fasiliti kerajaan seperti Kem Wawasan dan Kem Bina Negara telah dilengkapi dengan kemudahan asas seperti asrama, dewan makan, dan kemudahan aktiviti fizikal. PLKN 3.0 dapat mengoptimalkan penggunaan sumber yang ada dengan memanfaatkan kemudahan yang telah ada dengan kerjasama kementerian-kementerian lain, khususnya Pejabat Perdana Menteri yang kini mengurus Kem Wawasan dan Kem Bina Negara. Penggunaan fasiliti sedia ada dapat mengurangkan kos pembangunan infrastruktur baharu, termasuk pengurangan kos pembinaan asas, penyediaan peralatan, dan kos pemeliharaan.

**3. Memusatkan proses perolehan, pembelian dan perbelanjaan di peringkat Jabatan Latihan Khidmat Negara bagi mengoptimalkan harga perolehan serta mengurangkan ketirisan kewangan.**

Pemusatan proses perolehan dan pembelian di peringkat JLKN dapat membolehkan proses perolehan harga yang lebih baik melalui pembelian dalam kuantiti besar atau melalui perolehan kontrak jangka panjang dengan pembekal. Tambahan, pemusatan perbelanjaan dapat mengurangkan ketirisan kewangan berkaitan dengan pembaziran atau penyalahgunaan sumber yang merupakan salah satu isu dakwaan terbesar dalam pelaksanaan PLKN sebelum ini. Proses yang terpusat membolehkan pengurusan kewangan yang lebih teliti dan terkawal, serta pemantauan yang lebih berkesan terhadap perbelanjaan.

**4. Kerjasama dengan pihak NGO bagi pelaksanaan bersama program.**

NGO memiliki kepakaran dan sumber daya yang berbeza yang dapat menyokong pelaksanaan program dengan lebih efektif, khususnya dari segi pelaksanaan pengisian PLKN berkaitan dengan kesukarelawanan, kenegaraan serta isu-isu pembangunan negara. Penyumbangan

tenaga kerja pihak NGO dapat meringankan beban kewangan melalui kerjasama pelaksanaan latihan serta pengarang modul-modul dalam proses pembangunan kurikulum PLKN 3.0. Kerjasama dengan NGO dalam pelaksanaan PLKN dapat meningkatkan keberkesanan dan impak program, serta memperluas sokongan dan penglibatan masyarakat dalam usaha membangunkan negara.